

SUKATAN PEPERIKSAAN BAYARAN INSENTIF TUGAS KEWANGAN (BITK)

1. Matlamat Sukatan

Untuk menentukan bahawa undang-undang dan peraturan mengenai kewangan dan perakaunan IPTA difahami dan diketahui penggunaannya dalam segala urusan harian. Pengetahuan ini penting bagi mengelakkan berlakunya kesilapan dalam pengurusan kewangan IPTA.

2. Tujuan Peperiksaan

Untuk membolehkan Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) dan skim perkhidmatan lain yang setaraf dan skim perkhidmatan lain yang lebih rendah yang sedang menerima BITK RM40.00 sebulan, Pembantu Akauntan dan Pembantu Tadbir (Kewangan) memiliki sijil bagi melayakkan mereka dibayar BITK RM80.00 sebulan.

3. Pegawai Yang Layak Menduduki Peperiksaan

Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) dan skim perkhidmatan lain yang setaraf dan skim perkhidmatan lain yang lebih rendah yang sedang menerima BITK RM40.00 sebulan, Pembantu Akauntan dan Pembantu Tadbir (Kewangan).

4. Sukatan Peperiksaan

4.1 Soalan-soalan yang akan ditanya kepada calon-calon adalah berdasarkan kepada perkara-perkara berikut:

4.1.1 Pengurusan dan Kawalan Belanjawan

4.1.2 Pengurusan Kewangan Am

4.1.3 Pengurusan Terimaan

4.1.4 Pengurusan Perolehan

4.1.5 Pengurusan Bayaran Emolumen

4.1.6 Pengurusan Akaun

4.1.7 Pengurusan Aset dan Stor

4.2 Bahan Rujukan:

4.2.1 Akta Kolej dan Kolej Universiti (AUKU) dan Perlembagaan Universiti

4.2.2 Arahan Perbendaharaan

4.2.3 Pekeliling dan Surat Pekeliling Perbendaharaan Terkini (yang berkaitan dengan kewangan)

4.2.4 Pekeliling dan Surat Pekeliling Perkhidmatan (yang berkaitan dengan gaji dan elaun)

4.2.5 Perintah Am Bab B (elaun-elaun) dan Bab G (Waktu Bekerja dan Elaun Lebih Masa)

4.2.6 Asas Perakaunan

4.3 Soalan

Bentuk soalan	:	Objektif (Aneka pilihan- merangkumi teori dan kajian kes)
Jumlah soalan	:	40 (Jawab semua)
Masa	:	1 Jam 30 Minit
Markah	:	40

Calon-calon tidak dibenarkan merujuk kepada apa-apa bahan rujukan

5. Keputusan

Lulus / Gagal

6. Bahasa (soalan dan jawapan)

Bahasa Malaysia

7. Syarat – Syarat Lain

7.1 Bagi permohonan daripada Pembantu Tadbir dan skim perkhidmatan lain yang setaraf dan skim perkhidmatan lain yang lebih rendah, Ketua Jabatan hendaklah mengesahkan anggota berkenaan sedang menerima BITK RM40.00 sebulan.

7.2 Tertakluk kepada fasal 3 di atas, Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) dan skim perkhidmatan lain yang setaraf dan skim perkhidmatan lain yang lebih rendah yang telah memiliki sijil Peperiksaan BITK tetapi tidak menerima BITK selama lima (5) tahun atau lebih secara berterusan, perlu menduduki semula dan memperolehi sijil peperiksaan ini dibayar BITK RM80.00 sebulan.

8. Tarikh Tutup Pendaftaran

11 Mei 2024 (Isnin)

9. Bayaran Pendaftaran

9.1 RM50.00 bagi setiap calon (tidak akan dikembalikan). Bagi calon yang pertama kali mendaftar dan menduduki peperiksaan BITK, bayaran yuran peperiksaan akan dibayar oleh Universiti.

9.2 Cara bayaran : Bayaran secara *transfer online*

Nama Akaun	Bendahari Universiti Pendidikan Sultan Idris
No. Akaun	08068010003264
Nama Bank	Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)
No. Telefon	05-4506000 sambungan 6494/ 6413

Sekiranya pembayaran dilakukan secara online, sila isi rujukan 'Yuran BITK 2024' dan emelkan bukti pembayaran kepada siti_nadirah@upm.edu.my dan azzreen@upm.edu.my

9.3 Bayaran perlu dilakukan **sebelum atau pada 15 Mei 2024.**